

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/4/2013

Tindakan efektif Esscom kawal kedaulatan

LAHAD DATU 13 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan empat tindakan efektif yang akan dilaksanakan oleh Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) bagi menjamin keselamatan rakyat dan kedaulatan negara.

Beliau berkata, selain kekuatan risik oleh badan itu akan diperkuatkan, pasukan peninjau pantai dilaksanakan selama 24 jam, bertindak memberkas di laut dan kuat kuasa tangkapan jika penceroboh tiba di daratan kawasan Esscom tersebut.

Kata beliau, empat platun daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) turut dibangunkan di Felda Sahabat bagi memberi bantuan kepada anggota keselamatan yang bertugas di kawasan tersebut.

Beliau berkata, bukan sahaja tindakan daripada pihak keselamatan negara diperkukuhkan, penglibatan pihak lain termasuk pengurusan Felda juga diperkemaskan.

"Selain peruntukan sebanyak RM200 juta bagi pelaksanaan Esscom, tindakan alternatif lain yang turut dilakukan oleh pihak pengurusan Felda seperti menambah kekuatan anggota polis bantuan sehingga 100 orang di Felda Sahabat," katanya dalam sidang



NAJIB Tun Razak bersama Musa Aman (kanan) mengaminkan bacaan doa pada perasmian ibu pejabat Esscom di Markas Operasi Marin, Lahad Datu, semalam. Turut kelihatan Mohammad Mentek (belakang, dua kanan); Hishammuddin Tun Hussein (tiga, kanan) dan Ahmad Zahid Hamidi (empat, kanan). - BERNAMA

akhbar selepas melancarkan ibu pejabat Esscom di Markas Operasi Marin Lahad Datu, di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Menteri,

Datuk Seri Musa Aman; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri His-

hammuddin Tun Hussein; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Pengarah Esscom, Datuk Mohammad Mentek.

Turut sama menyerikan majlis pelancaran tersebut Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, pendekatan seumpama itu akan mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat setempat dan orang ramai terhadap tahap keselamatan di kawasan Esscom.

Jelas beliau, peruntukan undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk menangani kesalahan pencerobohan, tetapi apa yang perlu dipertingkatkan lagi adalah pelaksanaan undang-undang dengan lebih berkesan.

Dalam pada itu kata beliau, kerajaan turut berusaha memulihkan industri pelancongan di negeri ini yang sedikit terjejas ekoran pencerobohan peng-ganas Kiram baru-baru ini.

Najib berkata, meskipun sektor pelancongan mengalami kemerosotan kehadiran pelancong, namun ia tidak berlaku dalam sektor pelaburan yang masih mendapat keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara.

Tambah beliau, pembangunan Kluster Perindustrian Kelapa Sawit (POIC) di daerah Lahad Datu akan dilaksanakan seperti yang dirancang.